

# 3 beradik mangsa seks bapa kandung

*Disyaki dirogol sejak  
setahun lalu di  
rumah mereka di  
Semenyih*

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

SHAH ALAM

**B**ukan sahaja dicabul, tiga beradik yang masih bersekolah rendah disyaki dirogol bapa kandung sejak setahun lalu di rumahnya di Semenyih.

Mangsa berusia setahun, 3 dan 5 tahun itu disyaki menjadi mangsa pemuas nafsu bapanya berusia 32 tahun di rumahnya sendiri.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff berkata, siasatan terhadap ketiga-tiga beradik itu

dibuat selepas menerima laporan ibu mangsa pada 23 Oktober lalu.

"Siasatan awal mendapati, anak perempuan (mangsa pertama) berusia 3 tahun mengadu kepada ibunya pada jam 6.30 petang pada 16 Oktober lalu, mengatakan suspek memasukkan jari ke dalam kemaluan dan dubur mangsa.

"Ketika kejadian, anak perempuan berusia 5 tahun juga memberitahu pernah diperlakukan perkara sama oleh suspek dan mengaku pernah nampak suspek melakukan perkara sama terhadap adik bongsu mereka," katanya.

Menurutnya, pengadu berkahwin dengan suspek selama lapan tahun dan mempunyai empat anak iaitu seorang anak lelaki berumur 7 tahun dan tiga perempuan.

"Mangsa pertama pernah memberitahu neneknya bahawa kemaluannya sakit didakwa dicucuk suspek, namun ketika itu tiada siapa mempercayai mangsa pada 2017.



AHMAD DZAFFIR

"Pengadu juga pernah membawa mangsa terbabit buat pemeriksaan doktor di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada tahun sama, namun doktor menyatakan tiada apa-apa kesan mencurigakan," katanya.

Namun katanya, semua mangsa dirujuk ke doktor pakar obstetrik dan

ginekologi Hospital Kajang pada 24 Oktober lalu untuk menjalankan pemeriksaan lanjut.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat kesan koyakan lama pada ketiga-tiga mangsa dan pemeriksaan doktor pakar pembedahan mendapati tiada kecederaan pada bahagian dubur.

"Susulan itu, tangkapan terhadap suspek berjaya dibuat jam 11.45 pagi di tempat kerja suspek di Sungai Long, Kajang pada 25 Oktober lalu," katanya.

Ahmad Dzaffir berkata, suspek ditahan dan dibawa ke Mahkamah Kajang pada 26 Oktober lalu untuk mendapatkan permohonan reman. Kes disiasat di bawah Seksyen 376(b) Kanun Keseksaan.

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya Selangor hari ini (semalam) dengan cadangan suspek dituduh di bawah Seksyen 14(a) AKSKK 2017," katanya.

Sinar Harian 01/11/2018 ms 13